



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2021


PEMAKLUMAN PENETAPAN BAHARU KRITERIA DAN WAJARAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) STAF AKADEMIK DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf akademik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Penetapan Baharu Kriteria dan Wajaran LNPT Staf Akademik di UMK.
2. UMK telah membangunkan Sistem LNPT versi 2.0 dengan menggunakan Kriteria dan Wajaran baharu. Satu Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem eLNPT yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah ditubuhkan mulai tahun 2019 berperanan untuk mengkaji semula penetapan kriteria (item-item pengukuran) dan pemarkahan LNPT bagi staf akademik.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 10 Tahun 2020 (Kali ke-223) yang telah bersidang pada 13 Oktober 2020 telah bersetuju untuk meluluskan Penetapan Baharu Kriteria dan Wajaran LNPT Staf Akademik di UMK mulai tahun penilaian 2020.
4. Bagi pembangunan sistem eLNPT yang baharu iaitu eLNPT versi 2.0, satu jawatankuasa teknikal eLNPT telah ditubuhkan yang dianggotai oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), wakil Majlis Profesor Universiti (MPU), Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) dan kepakaran lain. Pembangunan Kriteria dan Wajaran baharu telah dibuat melalui beberapa siri bengkel dan sesi libat urus bersama semua pihak di antara bulan Oktober 2019 sehingga 30 Mac 2021.
5. Sehubungan itu, semua pihak dimohon mengambil perhatian terhadap pekeliling ini. Kerjasama yang diberikan amatlah dihargai demi kecemerlangan Universiti.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN
Pendaftar

30 Mac 2021

s.k - YBhg. Dato' Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab